KEMPEN #BankRakyatCares
KAD KREDIT-i & KAD DEBIT-i

Terma dan Syarat

A. Syarat-syarat Kelayakan dan Kempen

1. Terbuka kepada pelanggan individu yang memohon dan lulus produk Kad Kredit-i dan Kad Debit-i Bank Rakyat.
2. Terbuka kepada semua pelanggan Bank Rakyat warganegara Malaysia kecuali:-
   a) warga kerja dan ahli keluarga warga kerja Bank Rakyat; atau
   b) pelanggan yang terdapat sebarang tunggakan, kemungkiran atau tindakan guaman atas mana-mana kemudahan, pembiayaan atau pinjaman sedia ada dengan Bank Rakyat.
3. Mekanisma penyertaan adalah seperti berikut:
   a) Berkonsepkan Langgan dan Menang
   b) Terbuka kepada semua pelanggan yang memohon dan lulus serta menerima tawaran produk Kad Kredit-i dan Kad Debit-i.
   c) Setiap pelanggan yang layak perlu menghantar penyertaan melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) ke nombor 66300.
4. Kelayakan penyertaan adalah seperti berikut:

Penyertaan/Jumlah Penggunaan	**Bilangan Penyertaan**	
	Bukan Anggota Bank Rakyat	**Anggota Bank Rakyat**
Permohonan yang diluluskan bagi Kad Kredit-i dan Kad Debit-i	5	7
Transaksi *Flexi Easy Payment*	5	7
Setiap penggunaan RM200	1	3
Setiap penggunaan RM200 di luar negara	2	4

5. Kadar caj dan tempoh pengaktifan khidmat pesanan ringkas (SMS).
   a) Kos SMS yang bernilai RM0.11 akan ditanggung sepenuhnya oleh Bank Rakyat.
   b) Tiada sebarang caj SMS akan dikenakan kepada pelanggan.
   c) Tempoh pengaktifan SMS sempena kempen ini adalah dari 15 Oktober 2016 hingga 31 Mac 2017.

6. Mekanisma SMS adalah seperti berikut :

   Kod Produk: **BRC4**

   Nombor SMS: **66300**

   BRC4<jarak>**12-digit MyKad** dan hantar ke **66300**

   Contoh:

   BRC4 911102XXXXXX dan hantar ke **66300**

   Pelanggan akan menerima maklum balas bagi setiap SMS yang dihantar seperti berikut:

   - SMS yang berjaya

     "RM0.00 Terima kasih kerana menyertai peraduan BRC4"
   - SMS yang gagal

     "RM0.00 Harap maaf. Sila masukkan kata laluan yang betul"
7. Hanya terbuka kepada saluran telekomunikasi CELCOM, Maxis, Digi dan U Mobile.
8. Penyertaan kempen ini adalah tertakluk kepada kelulusan daripada Bank Rakyat dan juga terma dan syarat yang terkandung dalam ini.
9. Bank Rakyat mempunyai hak mutlak dalam meluluskan atau menolak sebarang permohona pembiayaan dan penyertaan kempen ini.
10. Semua keputusan yang dibuat oleh Bank Rakyat adalah muktamad dan sebarang pertikaian tidak akan dilayan.

B. Tempoh Kempen

1. Tempoh sah Kempen #BankRakyatCares Kad Kredit-i dan Kad Debit-i adalah dari 15 Oktober 2016 hingga 31 Mac 2017.
2. Pihak Bank berhak menukar atau meminda tarikh dan tempoh Kempen #BankRakyatCares sekiranya perlu.

C. Hadiah Kempen

1. Hadiah-hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Kategori	Hadiah
Hadiah Utama	2 pemenang x Hadiah Pilihan Bernilai RM100,000 setiap satu • Kenderaan • Percutian/Umrah • *Shopping Spree* • Kelengkapan Rumah • Barang Kemas/Jam Tangan Berjenama

Hadiah Bulanan	60 pemenang x RM500 Pulangan Tunai (10 hadiah setiap bulan)

Nota: Pulangan tunai akan dikreditkan ke Akaun Pemegang Kad Utama Bank Rakyat

2. Setiap pemenang hanya layak untuk menerima 1 hadiah sahaja sepanjang tempoh kempen.
3. Hadiah akan didaftarkan atas nama pemenang yang layak sahaja.
4. Hadiah Pilihan tidak boleh ditukar ganti kepada tunai, saiz yang berbeza, warna atau model selain daripada hadiah ditentukan oleh pihak Bank.

D. Tuntutan Hadiah

1. Pemenang perlu hadir sendiri ke Bank untuk menuntut hadiah yang dimenangi apabila dimaklumkan oleh Bank.
2. Jika pemenang tidak dapat hadir ke Bank untuk mengambil hadiah, pemenang harus memaklumkan Bank secara bertulis pelantikan pihak ketiga dalam tempoh 30 hari (termasuk hujung minggu) dari tarikh kemenangan dimaklumkan. Arahan pemenang untuk Bank melaksanakan pembayaran kepada pihak ketiga adalah muktamad dan tidak boleh dibatalkan (irrevocable).
3. Jika pemenang atau wakilnya gagal mengambil hadiah tersebut, dalam tempoh 30 hari daripada tarikh kemenangan dimaklumkan, hadiah tersebut akan dianggap terbatal secara automatik.
4. Bank mempunyai hak mutlak untuk menggantikan hadiah dengan hadiah yang lain tanpa perlu memberi notis kepada pemenang.
5. Pemenang harus memaklumkan hadiah pilihan semasa dihubungi oleh pihak bank.

E. Pemilihan Pemenang dan Hadiah

1. Jawatankuasa penentuan pemenang akan diwujudkan untuk kempen ini.
2. Seramai 62 pemenang akan dipilih berdasarkan pengeluaran dan penggunaan selepas tamat tempoh kempen.
3. Pemilihan pemenang adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat, bantahan dan rayuan tidak akan dilayan.
4. Pemenang akan dimaklumkan melalui khidmat pesanan ringkas (SMS), panggilan telefon atau lain-lain kaedah yang bersesuaian.

F. Lain-Lain

1. Bank Rakyat mempunyai hak eksklusif untuk mencetak atau menyiarkan nama dan gambar pemenang untuk tujuan promosi di dalam akhbar, majalah, laman sesawang korporat Bank Rakyat, atau mana-mana saluran media yang bersesuaian.

2. Bank Rakyat mempunyai hak dan budi bicara secara mutlak untuk meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis 7 hari terlebih dahulu di laman web bank atau sebarang medium komunikasi yang bersesuaian dan sebarang pindaan, pembatalan atau penambahan itu hendaklah berkuatkuasa pada tarikh 7 hari selepas notis dikeluarkan.

3. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan, kehilangan, kekurangan, kerosakan berkaitan hasil kerja atau pembayaran oleh/kepada pihak ketiga yang dilantik oleh pemenang.

4. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan, kehilangan, kekurangan, kerosakan pada borang penyertaan, makluman atau apa-apa koresponden sama ada melalui e-mel, surat atau medium komunikasi yang bersesuaian.

5. PENAFIAN: TERTAKLUK KEPADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, BANK RAKYAT DAN ANAK SYARIKATNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PELANGGAN ATAU MANA-MANA PIHAK KETIGA UNTUK KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, GANTI RUGI TAULADAN ATAU AKIBAT KEROSAKAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN ANDA DALAM KEMPEN INI, SAMA ADA LIABILITI TERSEBUT BERLAKU BERPUNCA DARIPADA APA-APA TUNTUTAN BERASASKAN KEPADA KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA, DAN SAMA ADA PELANGGAN TELAH DINASIHATKAN ATAU TIDAK KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.

6. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkiran yang disebabkan bencana alam, peperangan, rusuhan, perintah berkurung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, kegagalan sistem atau sebarang situasi di luar kawalan Bank Rakyat.

7. Dengan menyertai kempen ini, pemohon dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat rasmi yang terkandung di sini, termasuk keputusan yang dibuat oleh pihak Bank Rakyat yang dianggap muktamad, terikat dan menyeluruh.

8. Terma & Syarat ini terikat dengan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia.

Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian **1300 80 5454**; atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Rakyat; atau layari **www.irakyat.com.my**; atau laman sesawang Bank **www.bankrakyat.com.my**